

BAB V

PERBINCANGAN

Tujuan kajian ini ialah untuk menilai sejauh mana kefahaman ahli-ahli QIT di PPD Kota Bharu terhadap keberkesanan peranan QIT yang ditubuhkan untuk merancang serta menjalankan program dan aktiviti yang telah dirancang diperingkat PPD. Analisis kajian ini secara keseluruhannya melihat dari sudut beberapa faktor seperti penglibatan ahli, kefahaman matlamat pasukan, kualiti perhubungan di antara ahli pasukan, keberkesanan membuat sesuatu keputusan dan galakan kreativiti di kalangan ahli pasukan. Secara am, objektif kajian adalah untuk mengkaji jika terdapat perbezaan di antara QIT Menengah dan QIT Rendah berkaitan faktor-faktor yang disebutkan di atas. Walau bagaimanapun perlu diingat keberkesanan kumpulan tidak dapat diukur hanya dari satu segi sahaja, misalnya dari segi pencapaian matlamat kumpulan sahaja. Oleh yang demikian, kajian keberkesanan ini telah diubah suai menggunakan soal selidik "*Professional Development Program*" yang telah dibentuk oleh *Rockefeller College of Public Affairs and Policy, State University of New York*. Populasi yang dipilih ialah kesemua ahli QIT Kota Bharu yang terdiri daripada 30 sekolah menengah yang menganggotai 4 pusat QIT dan 100 buah sekolah rendah yang diagihkan kepada 12 pusat QIT.

Perbincangan Hasil Kajian

Responden kajian terdiri daripada 89 orang yang meliputi semua QIT yang terdapat dalam PPD Kota Bharu. Kesemua ahli QIT ini terdiri dari Pengetua dan Guru Besar. Ahli QIT lelaki merupakan bagi kedua-dua kumpulan, QIT Menengah (86.4%) dan QIT Rendah (83.6%). Kesemua ahli QIT Menengah berumur melebihi 40 tahun (100%) sementara bagi QIT Rendah 86.6% berumur melebihi 40 tahun.

Ahli QIT yang memiliki kelulusan STPM merupakan bilangan terbesar bagi QIT Rendah (49.3%) diikuti oleh ahli yang berkelulusan SPM (38.8%) dan bilangan terkecil adalah yang berkelulusan Diploma (11.9%). Sementara bagi QIT Menengah kesemua ahli berkelulusan Ijazah. Dari segi pengalaman kerja, kesemua daripada ahli QIT telah berkhidmat melebihi 10 tahun. Terdapat 77.0% daripada QIT Menengah telah berkhidmat melebihi daripada 16 tahun sementara bagi QIT Rendah terdapat 79.7% ahli yang telah berkhidmat melebihi daripada 16 tahun. Daripada perihalan responden ahli-ahli QIT mempunyai latar belakang yang sesuai bagi menjadikan QIT PPD Kota Bharu sebagai QIT yang dinamik, proaktif dan berkesan dalam melaksanakan program untuk meningkatkan prestasi pelajar. Dari segi pengalaman bertugas, kelulusan akademik serta iktisas dan jawatan yang dipegang disekolah, ahli QIT PPD Kota Bharu seharusnya mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada QIT yang mereka anggotai.

Analisis kajian pada keseluruhannya mendapati:-

1. Penglibatan ahli QIT Menengah dan QIT Rendah dalam setiap QIT yang di anggotai adalah pada tahap yang tinggi. Andaian ini dibuat berdasarkan kepada kadar persetujuan yang diperolehi daripada jawapan terhadap item-item yang dikemukakan. Kadar persetujuan keseluruhan yang tinggi antara 3.9545 hingga 4.2273 bagi QIT Menengah dan antara 4.0896 hingga 4.4776 bagi QIT Rendah menunjukkan ahli QIT tidak menghadapi masalah untuk melibatkan diri dalam program anjuran PPD. Sememangnya setiap ahli dalam QIT sepatutnya mudah menyesuaikan diri kerana mesyuarat QIT di adakan sekurang-kurangnya sekali sebulan. Mesyuarat ini memberi peluang kepada setiap ahli-ahli untuk berinteraksi di antara satu sama lain. Kadar tidak bersetuju dengan item yang berkaitan pasif dan enggan memberi sumbangan juga menguatkan lagi tahap penglibatan ahli dalam QIT yang di anggotai.

2. Hubungan di kalangan ahli QIT sama ada QIT Menengah atau QIT Rendah adalah akrab kerana kadar persetujuan bagi item-item yang berkaitan dengan perhubungan di kalangan ahli adalah antara 3.6818 hingga 4.4545 bagi QIT Menengah dan 3.7612 hingga 4.5522 bagi QIT Rendah. Pada keseluruhannya jawapan yang diberi adalah bersetuju atau sangat bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan. Perhubungan yang baik di antara ahli ini adalah dalam bentuk bantu membantu dan saling perlu memerlukan antara satu sama lain. Perhubungan antara ahli juga tidak mewujudkan dominasi atau eksploitasi satu pihak terhadap pihak yang lain.
3. Kefahaman yang tinggi terhadap matlamat setiap QIT juga ditunjukkan oleh ahli QIT Menengah dan QIT Rendah. Pencapaian dan kefahaman matlamat kumpulan merupakan kriteria yang penting bagi semua ahli QIT, ini kemungkinan majoriti ahli percaya jika matlamat pasukan yang ditubuhkan tidak difahami maka sudah tentu pasukan itu tidak berkesan. Matlamat pasukan perlu jelas. Dengan ini akan timbul rasa tanggungjawab untuk berusaha mencapai matlamat yang telah ditentukan bersama.
4. Kajian ini juga menunjukkan kesepakatan dalam membuat keputusan bagi kedua-dua peringkat QIT adalah tinggi. Setiap ahli mempercayai QIT menjadi lebih berkesan jika mempunyai kata sepakat yang jitu terhadap keputusan yang mereka buat diperolehi. Ini juga bermakna proses membuat keputusan dalam semua QIT dijalankan secara kolektif dan kata sepakat yang *genuine* diperolehi.
5. Kreativiti juga digalakkan di kalangan ahli QIT berdasarkan keputusan kajian yang diperolehi. Ahli QIT memahami bahawa pasukan yang berkesan perlu kepada kreativiti di kalangan ahlinya. Pasukan sebegini menunjukkan juga tidak sukakan persamaan dari dari segenap segi atau *total homogeneity* dan

tahu mengelakkan daripada berlakunya fenomena “mengikut arus” yang dapat menghalang kreativiti.

6. Majoriti ahli QIT memahami konsep QIT yang membabitkan 40 ciri-ciri yang telah dikenal pasti yang diamalkan oleh pihak pengurusan PPD Kota Bharu. Walau bagaimanapun nilai min di kalangan ahli QIT Menengah agak rendah, ini menunjukkan masih terdapat lagi ahli yang kurang faham terutama berkenaan kaedah pengdokumentasian dalam pengurusan QIT. Dokumentasi yang diperlukan termasuklah mesyuarat bulanan, program akademik, kecerian, disiplin, latihan dalaman, pengagihan tugas, rekod pungutan wang (jika dibuat) dan mengumpul data terhadap isu-isu berbangkit.

7. Pada keseluruhannya QIT yang dibentuk berkesan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang oleh setiap QIT. Walaupun begitu program berkenaan kecerian sekolah dan menangani masalah disiplin mempunyai tahap tidak keberkesanan yang tinggi, nilai purata min hanya pada kadar 57.69% berkesan dan 55.95% berkesan sahaja..

Implikasi

Pada keseluruhannya, kesan yang diperolehi daripada maklum balas terhadap pernyataan-pernyataan yang diedar itu menunjukkan majoriti ahli QIT di PPD Kota Bharu mempunyai sikap yang positif, praktikal dan kepercayaan yang tinggi terhadap penubuhan QIT. Dapatan juga menunjukkan persetujuan dan sokongan yang diberikan kepada program-program yang dicadangkan oleh PPD Kota Bharu adalah padu. Daripada penelitian dapatan kajian hampir keseluruhan jawapan pada tahap bersetuju, ini menunjukkan masih terdapat ruang untuk memperbaiki pemahaman fungsi QIT. Keputusan kajian juga menunjukkan ada di kalangan ahli yang berpendapat masa yang digunakan menghadiri mesyuarat dan keberkesanan program untuk menangani masalah disiplin kurang

memuaskan. Oleh itu PPD Kota Bharu harus menilai semula perjalanan mesyuarat atau lebih sesuai lagi ialah dengan menyediakan satu program atau kursus yang berkaitan untuk menerangkan kepada setiap pengerusi QIT dan seterusnya kepada ahli-ahli QIT cara yang berkesan untuk mengendalikan serta mengambil bahagian dengan cara yang lebih berfaedah dalam mesyuarat. Bagi ahli QIT pula mungkin kursus tambahan seperti bagaimana menjadi pendengar yang aktif (*active listeners*) di adakan. Dengan cara ini masa yang digunakan untuk menghadiri mesyuarat tidak akan dianggap sebagai satu pembaziran masa. Daripada maklum balas yang diperolehi juga, didapati program untuk menangani masalah disiplin pelajar dianggap kurang berkesan. Oleh itu program yang dikaitkan dengan masalah disiplin ini seharusnya diubah suai bagi menepati kumpulan sasaran yang sepatutnya.

Sebagai sebuah PPD yang menjadi rujukan di Negeri Kelantan yang berada di kawasan bandar, PPD Kota Bharu perlu muncul menjadi "juara" menangani masalah pendidikan yang timbul dan kejayaan sebelum ini sememangnya tidak boleh dipertikaikan walaupun kadangkala kewujudan PPD Kota Bharu yang begitu hampir dengan Pejabat Pendidikan Negeri dianggap tidak sesuai oleh sesetengah pihak. Dalam usaha mengekalkan imej cemerlang PPD Kota Bharu perlu memiliki satu polisi tersendiri daripada JPN. Polisi tersebut termasuklah skim latihan pengurusan berpasukan yang terpisah dari JPN agar program dan latihan terkini dalam bidang kepimpinan dan pengurusan boleh dilaksanakan dengan penuh kuasa.

Kajian Lanjutan

Kajian ini merupakan kajian yang pertama mengenai keberkesanan QIT di PPD Kota Bharu malahan di Negeri Kelantan. Keberkesanan program yang dijalankan di setiap PPD perlu dilakukan dari semasa kesemasa agar pembaziran dari segi masa dan sumber tenaga dapat dielakkan. Untuk perbandingan keberkesanan

program yang menyeluruh, adalah lebih tepat jika dilakukan ke atas semua PPD yang terdapat di Negeri Kelantan. Tomahan yang mengatakan kajian di PPD hanya layak untuk bidang kurikulum sahaja adalah salah kerana keberkesanan program yang dilakukan juga perlu dibongkar untuk memberi kesedaran kepada pentadbir.